

17 AUG 2001

MIM-PERSIDANGAN

PERSIDANGAN AAMO BERI TUMPUAN PADA CABARAN GLOBALISASI DAN TEKNOLOGI

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Persidangan Pertubuhan Persatuan Pengurusan Asia (AAMO) ke-14 yang bakal diadakan dengan kerjasama Kemuncak Perniagaan Multimedia MSC-IAP ketiga, akan memberi tumpuan terhadap cabaran globalisasi dan teknologi.

Ia juga akan menyemak kembali perubahan dan maklum balas yang diperlukan dalam menghadapi saingan serta cabaran di dalam Ekonomi Baru, kata pengarah/ketua pegawai eksekutif Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI), Datuk Michael Yeoh.

"Persidangan ini akan membolehkan sektor perniagaan memahami peluang dan ancaman yang akan wujud hasil daripada perubahan ini dan bagaimana teknologi dan globalisasi boleh membentuk masa depan," kata beliau ketika berucap pada majlis penyampaian cek rasmi penaja di sini hari ini.

Persidangan tiga hari itu yang akan diadakan mulai 6 Sept, 2001 di Palace of Golden Horses, akan turut menampilkan kes-kes kajian mengenai penerokaan ekonomi baru, membina ekonomi baru, membentuk masa depan digital, peraturan baru, teknologi baru dan trend baru.

Persidangan ini dianjurkan oleh Pengurusan Institut Malaysia (MIM) dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan ASLI.

Ia disasarkan untuk pemimpin-pemimpin tempatan dan antarabangsa pembekal rumusan e-dagang, syarikat, ahli perniagaan, institusi perbankan dan pelaburan, syarikat teroka kewangan dan pemimpin kerajaan yang membentuk persekitaran peraturan baru.

Kira-kira 300 peserta dijangka mengambil bahagian dalam persidangan ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan pada majlis makan malam gala hari pertama, diikuti dengan paparan mengenai aplikasi perdana generasi MSC mengenai pemasaran global pada hari berikutnya.

Persidangan ini akan diakhiri dengan ucapan daripada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. -- BERNAMA

SM KTC AA